



Penglibatan Ekstremisme dalam Kalangan Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia [The Involvement in Extremism Among Lower Class Citizens of Malaysia]

Mohd Irman Mohd Abd Nasir¹

Hanif Md Lateh²

Rahimah Embong^{1*}

Muhamad Azuan Khairudin³

¹Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

²Centre for Fundamental Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

³Penjara Kluang, Batu 8, Jalan Mersing, 86000 Kluang, Johor, Johor, Malaysia

*Corresponding author: rahimahembong@unisza.edu.my

Received Date: 10 January 2019

Accepted Date: 15 February 2019

Abstract

Since the tragedy of September 11, Muslims have been hit by a wave of 'Islamic' militant influences. These militant ideologies have spread widely and have influenced some of the Malaysian community, especially the lower classes. A field study found that arrests made by the Royal Malaysian Police from 2013 to date have reached more than 400 people. The overall catch indicates that the majority of those involved are of the lower class. To date, we do not know why they have chosen extremism as a battlefield. These factors are less deeply embedded in the academic world. This was proven by a field study with a former detainee involved in extremist activities that no other researcher had ever met to meet him. In fact, based on the literature review, academic studies have never been or are not done. It is possible that data or informants (extremists) are difficult to make into a 'heavy' study. In addition, the main objective of this study was to look at factors for the class that may be involved in extremist activities until arrested by the authorities. The literature review proves that the issue of extremism is an immature issue from its theoretical point of view. Therefore, qualitative research with exploratory study design is the right technique to use in this study. The data was collected through interviews with former detainees of the Security Offences (Special Measures) Act 2012 (SOSMA), Prevention of Terrorism Act 2015 (POTA) and Prevention of Crime Act 1959 (POCA). and one official of de-radicalization Data analysis was analyzed with a manual process to explore and classify ideas, ideas, ideas, and ideas. Studies have found that the

33

Cite as: Mohd Irman Mohd Abd Nasir, Hanif Md Lateh, Rahimah Embong & Muhamad Azuan Khairudin. (2019). Penglibatan Ekstremisme dalam Kalangan Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia [The Involvement in Extremism Among Lower Class Citizens of Malaysia]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(1), 33-54. Open Acces: <http://ajocs.com>



factors of lower class involvement in extremist activities are multifaceted. There are many factors, and these factors have a relationship and influence among each other.

Keywords: Extremisme, Malaysia, lower class, leading factors

Abstrak

Sejak peristiwa ‘11 September’, umat Islam dilanda dengan gelombang pengaruh militan Islam. Ideologi-ideologi militan-militan ini telah tersebar luas hingga mempengaruhi segenap masyarakat Malaysia khususnya golongan kelas bawahan. Kajian lapangan mendapati tangkapan yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2013 hingga kini telah mencapai 400 lebih. Keseluruhan tangkapan menunjukkan majoriti yang terlibat adalah golongan kelas bawahan. Sehingga ke hari ini kita tidak mengetahui mengapakah mereka memilih kegiatan ekstremisme sebagai wadah perjuangan. Faktor-faktor tersebut kurang disentuh secara lebih mendalam dalam dunia akademik. Ini dibuktikan melalui kajian lapangan pengkaji bersama bekas tahanan yang terlibat dengan kegiatan ekstremisme bahawa belum ada pengkaji lain yang bertemu dengan mereka untuk ditemu bual. Malahan berdasarkan kajian literatur, kajian-kajian bersifat akademik belum pernah atau kurang dilakukan. Berkemungkinan data atau informan (ekstremis) sukar untuk dicapai menjadikan ia satu kajian yang bersifat ‘berat’ untuk dikaji. Kesinambungan daripada itu, objektif utama dalam kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor bagi golongan kelas bawahan yang boleh terlibat dengan kegiatan ekstremisme sehingga telah ditangkap oleh pihak berkuasa. Kajian literatur membuktikan bahawa isu ekstremisme adalah satu isu yang belum matang dari sudut teorinya. Oleh yang demikian, kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian penerokaan adalah teknik yang tepat untuk digunakan dalam kajian ini. Data yang dikutip adalah melalui temu bual terhadap bekas tahanan SOSMA, POTA dan POCA yang terlibat dengan kegiatan ekstremisme serta pakar de-radikalasi. Data temu bual dianalisis secara manual berproseder untuk meneroka dan mengklasifikasi luahan, pandangan, idea, serta pemikiran tahanan. Kajian mendapati faktor penglibatan kelas bawahan dalam kegiatan ekstremisme adalah bersifat multi-variable. Terdapat banyak faktor, dan faktor-faktor tersebut mempunyai hubungkait dan impak antara satu faktor kepada faktor yang lain.

Kata kunci: Ekstremisme, Malaysia, Kelas bawahan, faktor penglibatan

Pendahuluan

Ekstremisme adalah salah satu bentuk konflik yang dilakukan oleh segolongan manusia melalui tindakan yang melampau daripada norma-norma kebiasaan dan kemanusiaan. Hakikatnya istilah ekstremisme ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk didefinisikan.

34

Cite as: Mohd Irman Mohd Abd Nasir, Hanif Md Lateh, Rahimah Embong & Muhamad Azuan Khairudin. (2019). Penglibatan Ekstremisme dalam Kalangan Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia [The Involvement in Extremism Among Lower Class Citizens of Malaysia]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(1), 33-54. Open Acces: <http://ajocs.com>



Setiap ekstremisme mungkin mempunyai penyebab tertentu, malahan ia juga mempunyai bentuk-bentuk yang berbeza. Kemuncak kepada masalah ekstremisme ini apabila keganasan menjadi satu alat penyampai mesej.

Malaysia, walaupun pernah diiktiraf antara negara paling selamat diduduki, namun ia juga tidak terlepas daripada konflik masyarakat khususnya konflik ekstremisme. Sejarah Malaysia telah memperlihatkan bahawa terdapat beberapa peristiwa keganasan yang dicetuskan akibat faktor ekstremisme. Antara bentuk ekstremisme yang sering berlaku di Malaysia adalah seperti ekstremisme politik, agama dan perkauman. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia perlu mengambil berat perkara ini iaitu dengan melakukan langkah pencegahan dan pemantauan awal. Ini kerana ekstremisme ini boleh tercetus bila-bila masa sahaja bahkan boleh menjadi ancaman nombor satu terhadap kestabilan dan keamanan negara.

Justeru kajian bertujuan mengenalpasti golongan kelas bawahan Muslim dari segi konsep, ciri-ciri dan kaedah pengukurannya sekaligus menganalisis ekstremisme dari sudut konsep, punca, ciri-ciri ekstremis dan bentuk-bentuk ekstremisme yang berlaku di Malaysia. Kajian akan membina indeks dan merungkai solusi penglibatan kelas bawahan dalam kegiatan ekstremisme-militan.

Pada waktu artikel ini siap, kajian sebenar masih sedang dijalankan. Oleh sebab itu artikel ini disifatkan sebagai daptan awal. Pada peringkat pertama kajian lapangan, beberapa informan telah didapatkan melalui kaedah *Snowball*. Peringkat pertama, pengkaji telah menemubual beberapa bekas tahanan yang ditahan dan menjalani hukuman di bawah SOSMA dan POTA. Setakat daripada November 2018 hingga Mac 2019, hanya setakat 5 orang informan yang dapat ditemubual. Ini kerana terdapat beberapa kekangan yang diterima antaranya bekas-bekas tahanan ini masih trauma dan tidak mempercayai orang yang mereka tidak kenali. Selain daripada itu mereka juga masih dipantau oleh pihak polis cawangan anti keganasan (counter terrorism), menjadi mereka lebih takut untuk berjumpa orang tidak dikenali.

Selain daripada 5 orang informan bekas tahanan, pengkaji juga telah menemubual beberapa panel yang terlibat secara langsung dengan program pemulihan tahanan (program diradikalasasi) di penjara yang menempatkan tahanan ekstremisme. Selain itu juga, pengkaji turut mendapatkan maklumat dengan menemubual pegawai polis berpangkat supritenden cawangan counter terrorism E8, Bukit Aman.

Penyataan Masalah

Dunia masa kini telah menerima satu gelombang ekstremisme yang baru. Sejak peristiwa 11 september 2001, kegiatan militan dilihat semakin berkembang dan sering menghantui



masyarakat dunia hingga ke hari ini. Konflik antara Islam dan dunia Barat khususnya di Asia Barat menyuburkan lagi gerakan militan. Mungkin antaranya berniat untuk berjuang, atau mungkin antara mereka cuba mengambil kesempatan untuk memporak perandakan dunia. Ini dapat dilihat melalui gerakan militan terbesar abad ini iaitu Islamic State (IS) atau juga dikenali sebagai *Daulat al-Islamiyyah fi al-Iraq wa al-Syam* (DAESH). IS merujuk kepada 'Islamic State' atau Negara Islam yang diisyiharkan IS sebagai sebuah kerajaan Islam (Khalifah) di Syria dan Iraq, Asia Barat, dan kononnya diuruskan berasaskan syariah Islam. IS beroperasi di Iraq dan Syria mahu memperluaskan jajahannya ke Jordan dan Lubnan serta membebaskan Palestin.

Ideologi Daesh ini telah tersebar luas hingga mempengaruhi segelintir masyarakat Malaysia khususnya golongan kelas bawahan. Berdasarkan tangkapan yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) cawangan anti terrorisme sejak 2014 hingga kini, keseluruhan jumlah mereka sebanyak 234 termasuk 15 orang yang terlibat dalam serangan di pusat hiburan Movida, Puchong pada 2016 (Bacaan Dewan Rakyat, Perlimen Ketiga Belas, Penggal kelima, Mesyuarat Pertama). Itu tidak termasuk yang terlepas ke medan perang di Syria dan menjadi 'syahid' yang dianggarkan seramai 95 orang. Berdasarkan temu bual bersama En. Wan Ruzailan pegawai polis berpangkat Deputi Superitenden, Cawangan Anti Terrorism (E8), tangkapan yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2013 hingga 2018 telah mencecah 400 lebih (Wan Ruzailan, 2019: 3; Muhammad Aminuralif, 2019). Kesemua suspek ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah BAB VI A - kesalahan berkaitan dengan keganasan, Kanun Kesejahteraan (Akta 574) dan akan disiasat mengikut prosedur di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) Akta 747.

Sehingga ke hari ini kita tidak mengetahui mengapakah mereka memilih militan sebagai wadah perjuangan. Apakah punca atau orientasi mereka? Adakah ia membabitkan orientasi politik atau agama atau masalah psikologi ekstremis tersebut? Atau lebih jauh daripada itu masalah pendidikan di negara yang tidak berkesan, atau masalah persekitaran seperti masalah keluarga, institusi sosial dan sebagainya. Malahan kajian-kajian bersifat akademik belum pernah cuba dilakukan. Berkemungkinan data atau responden (ekstremis) sukar untuk dicapai menjadikan ia satu kajian yang bersifat 'berat' untuk dikaji.

Pengkaji berpendapat, untuk mengetahui faktor penglibatan ekstremisme ini di kalangan golongan kelas bawahan adalah dengan bersua sendiri terus kepada golongan ini melalui temubual. Golongan tersebut yang dimaksudkan adalah mereka yang sudah ditahan dan disabitkan kesalahan serta sudah melalui hukuman. Atau dengan kata lain tahanan itu sendiri atau bekas tahanan di bawah akta SOSMA. Ini bermakna pengkaji akan dapat menyelami sendiri pemikiran golongan tersebut dengan lebih mendalam dan apakah pembolehubah yang memberi kesan kepada mereka untuk terlibat dengan kegiatan ekstremisme.



Soalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian di atas, terdapat beberapa persoalan yang telah ditimbulkan dan wajar untuk dikaji dengan lebih terperinci. Persoalan kajian yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut:

- i. Apakah konsep, ciri-ciri dan kaedah pengukuran golongan kelas bawahan?
- ii. Apakah konsep, punca, ciri-ciri ekstremis dan bentuk-bentuk ekstremisme yang berlaku di Malaysia?
- iii. Apakah punca utama penglibatan kelas bawahan dalam kegiatan ekstremisme-militan?

Kajian Literatur

Terdapat beberapa pengkaji atau sarjana yang menyentuh isu ekstremisme sebagai tajuk perbahasan, antaranya seperti Abd Rahim (2004) yang mengkupas secara umum berkenaan isu ekstremisme yang berlaku di Malaysia. Antara trend-trend ekstremisme yang sering berlaku di Malaysia ialah seperti ekstremisme agama dan politik. Beliau berpendapat, masa depan negara bangsa adalah bergantung kepada usaha positif bagi membebaskan negara daripada sebarang ancaman ekstremisme. Oleh sebab itu, agenda keselamatan negara dapat dipertahankan dengan memberi kuasa kepada kerajaan untuk bertindak membentras kebangkitan ekstremisme.

Kupasan Abd Rahim telah memberikan kefahaman kepada pengkaji mengenai situasi ekstremisme yang berlaku di Malaysia di samping turut mengemukakan pandangannya dalam pemunggiran ekstremisme. Beliau menyatakan: "pengurusan negara perlu berasaskan kepada ideologi politik sihat, demokratik, adil, menggalakkan kemajuan, membina kemakmuran, pengagihankekayaan negara dengan lebih adil, menyediakan peluang serta mendorong kemajuan berlaku melalui daya usaha kreativiti dan kebolehan". Walaupun beliau ada menyentuh mengenai kaedah untuk meminggirkan ekstremisme namun tidak dijelaskan secara lebih mendalam. Contohnya beliau ada mengaitkan dengan pemantapan ekonomi dan pengagihankekayaan negara dalam meminggirkan ekstremisme, namun tidak pula dinyatakan prosesnya. Iaitu bagaimana pemantapan ekonomi boleh meminggirkan ekstremisme, dan tidak dinyatakan apakah hubungannya dengan perkembangan kelas menengah.

Kajian mengenai ekstremisme di Malaysia juga kebanyakannya terfokus dalam aspek agama. Mansor Mohd Noor (2006) misalnya memfokuskan kepada masalah ekstremisme dari sudut agama yang menjelaskan bahawa ketidakfahaman dalam agama merupakan pencetus kepada ekstremisme. Ketidakfahaman yang dimaksudkan ini akhirnya boleh menjurus seseorang itu kepada tindakan yang tidak rasional akibat kesalahan tafsiran dalam sesuatu isu agama seperti 'jihad' yang boleh mambawa kepada keganasan,



'ketaksuhan' kepada pemimpin yang boleh membawa kepada lahirnya pengikut ajaran sesat dan sebagainya. Mansor berpendapat, untuk mengatasi manipulasi dan ekstremisme dalam agama, pendidikan agama perlu diimbangi dengan skema konseptual dan teoritikal sains sosial. Ia bermaksud pengajian agama mesti disepadukan dengan ilmu sains sosial dan sosiologi agama, supaya pengkaji-pengkaji agama mampu untuk menilai rasionaliti sesuatu perbahasan agama itu dan bukan menjadi 'tukang pak turut' orang lain. Namun demikian, Mansor tidak menghujahkan kepentingan ekonomi sebagai faktor peminggaian ekstremisme tetapi lebih melihat kepada kesepaduan agama dan sains sosial dikalangan pengikut agama Islam sebagai jalan penyelesaian. Oleh yang demikian, keterbatasan kajiannya ini yang hanya melihat kepada skop ekstremisme agama membuatkan faktor-faktor peminggaian ekstremisme yang lain tidak dinyatakan khususnya dalam aspek ekonomi.

Norani (2006) pula membahaskan mengenai cabaran yang dihadapi oleh kaum wanita Muslim dalam menghadapi ekstremisme dan fundamentalisme agama di rantau Asia Tenggara. Kajiannya menjelaskan bagaimana ekstremisme dan fundamentalisme agama ini menjadi faktor kepada keterbatasan pergerakan dan kebebasan suara wanita Muslim dalam arus politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Beliau berpendapat bahawa perlunya reformasi untuk undang-undang konservatif yang memudarangkan wanita Islam. Terdapat keperluan untuk kumpulan wanita Islam untuk membentuk pakatan kerjasama yang luas di pelbagai peringkat serta bekerjasama dengan intelektual dan sarjana Islam yang progresif dan demokratik. Secara keseluruhannya, kajian beliau sebenarnya tidak membincangkan secara khusus mengenai istilah ekstremisme dan perbahasan mengenainya. Tetapi kajiannya hanya menentukan cabaran yang dihadapi oleh kaum wanita Muslim dalam situasi ekstremisme dan fundamentalisme agama itu dan bagaimana cara menanganinya. Oleh yang demikian kaedah dan faktor untuk meminggaian ekstremisme itu sendiri tidak dibahaskan dalam kajiannya ini.

Hashmi (2007) juga menyentuh perbahasan ekstremisme dan keganasan dalam konteks agama. Kajiannya adalah untuk mengenalpasti sama ada agama itu yang menjadi pencetus kepada pemikiran ekstremisme atau agama itu hanya dijadikan alat kepada rejim-rejim tertentu untuk kepentingan politik. Pendekatan dalam kajiannya ini adalah dengan membuat perbandingan antara kerajaan Pakistan dengan kerajaan Malaysia dengan cuba melihat perbezaan pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua negara tersebut dalam memanipulasikan agama dalam politik. Beliau mendapati bahawa agama itu bukan menjadi faktor atau pencetus kepada keganasan tetapi berpunca kepada kepentingan dalam politik. Contohnya, walaupun Malaysia digelar sebagai negara Islam namun pendekatan pemerintahan adalah melalui orientasi ekonomi atau melalui pembangunan ekonomi untuk memenangi hati rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik. Berbeza dengan Pakistan yang mendaulatkan politik Islam dengan cara 'dominasi etnik', atau dengan kata lain menggunakan kekuatan majoriti etnik-Islam sebagai peneraju dalam pemerintahan. Oleh



yang demikian pengagihan kekayaan yang tidak seimbang membuatkan munculnya ekstremis-ekstremis dari kalangan mazhab-mazhab dan etnik-etnik yang lain.

Walaupun beliau menyentuh mengenai modernisasi dan pembangunan ekonomi di Malaysia yang berkesan kepada peminggiran ekstremisme, namun tidak pula dijelaskan bagaimana proses tersebut memberi kesan kepada pemikiran dan tahap ekstremisme di kalangan rakyatnya. Oleh yang demikian, kajian Hashmi ini dilihat tidak menjelaskan secara lebih mendalam bagaimana ekonomi menjadi unsur dalam peminggiran ekstremisme lebih-lebih lagi perkaitannya dengan kelas menengah.

Gunaratna (2009) pula dalam karyanya mengambil pendekatan berbeza daripada penulis-penulis yang diterangkan sebelum ini dalam mengupas isu ekstremisme. Beliau dalam karyanya ‘The Current and Emerging Extremist Threat in Malaysia’ menjelaskan bagaimana Malaysia tidak terlepas daripada dikaitkan dengan rangkaian pengganas global (khusus kepada militan Islam). Menurutnya lagi, sejarah membuktikan Malaysia juga mempunyai ahli-ahli tempatan yang dikaitkan dengan rangkaian pengganas seperti al-Qaeda, Jama‘ah Islamiah (JI), Darul Islam (DI) dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM). Beliau mendapatkan, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara Islam yang berpotensi menjadi pusat operasi serta menjadi tempat pengganas berkumpul dan berselindung pada masa hadapan. Ini memandangkan, pengganas mudah menyerap masuk ke dalam masyarakat Islam di Malaysia yang mempunyai persamaan agama lebih-lebih lagi mempunyai pusat-pusat keagamaan yang memudahkan pengganas untuk berselindung. Ini ditambah dengan polisi moderat Malaysia di samping mempunyai hubungan baik dengan Barat membuatkan negara ini tidak menjadi sasaran perhatian polis dunia iaitu Amerika Syarikat.

Gunaratna hakikatnya cuba mengupas secara mendalam mengenai sejarah dan perkembangan gerakan militan dan ekstremis di Malaysia tanpa menyediakan pelan peminggiran atau pencegahan. Penumpuan skop ekstremisme pula hanya ditumpukan kepada ekstremisme-agama dan ekstremisme-terorisme khususnya melibatkan orang-orang Islam di Malaysia. Orientasi penulisannya juga menjurus kepada isu ‘11 September’ yang memberi pengaruh dalam penulisannya iaitu dilihat cuba memperbesarkan isu terrorisme-Islam. Oleh yang demikian, perbahasan mengenai pendekatan untuk menyelesaikan isu ekstremisme tidak ditemukan dalam karyanya ini.

Rand (2010) pula seperti Gunaratna dalam penulisannya yang bertajuk ‘Religious Extremism and Terrorism in Malaysia’ juga turut melihat senario ekstremisme yang berlaku di Malaysia merangkumi sejarah dan perkembangannya. Beliau menyatakan bahawa walaupun Malaysia mengamalkan prinsip Islam moderat dalam pembangunan umat Islam, namun sebenarnya masih terdapat kelemahan dalam tindakan negara yang memberi kesan langsung terhadap kemunculan ekstremisme. Antaranya seperti polisi ‘anti Barat’ oleh kerajaan Malaysia yang dikatakan beliau juga menjadi pemangkin dan memberi kesan



terhadap tahap ekstremisme dikalangan umat Islam. Rand hanya menerangkan secara umum ekstremisme yang berlaku di Malaysia tanpa memberikan idea dalam jalan penyelesaian untuk memerangi ekstremisme. Seperti Gunaratna, beliau juga hanya memfokuskan kepada ekstremisme di kalangan umat Islam sahaja. Selain itu, beliau juga hanya mengupas secara mendalam mengenai sejarah dan perkembangan gerakan militan dan ekstremis di Malaysia dan membuat andaian akhir mengenai tahap ekstremisme di kalangan orang Muslim tanpa dibuktikan dengan kajian yang lebih saintifik seperti membuat soal selidik, temubual pihak yang berkait dan sebagainya. Apa yang paling ketara, idea-idea untuk meminggirkan ekstremisme tidak ditemukan dalam perbahasannya.

Perbahasan mengenai ekstremisme juga disentuh oleh Wan Mohd Nor (2010) dalam makalahnya yang bertajuk 'Containing Muslim Extremism and Radicalism'. Karya ini menelusuri cabaran umat Islam di Asia dalam dimensi ekstremisme, meninjau sejarah pemikiran penentangan terhadap sikap ekstremisme ini dalam tradisi Islam sendiri, dan menganalisa beberapa faktor ekstremisme yang lahir daripada kaedah dan doktrin pendidikan Islam kontemporari khususnya di Asia. Rencana ini juga mengusulkan beberapa penyelesaian praktis terhadap faktor luaran dan dalaman bagi membantu menyelesaikan kemelut sikap radikal dan melampau di kalangan umat Islam Asia.

Beliau berpendapat bahawa perperangan, persengketaan, kekerasan dan sikap melampau banyak berlaku kerana motif-motif bukan agama, terutama faktor luaran seperti politik, ekonomi serta perkauman, dan juga melibatkan golongan non-Muslim juga. Antara faktor-faktor luaran menurutnya adalah seperti tekanan Barat dan diskriminasi terhadap minoriti Muslim di beberapa buah negara daripada mendapat hak kekayaan dan hak asasi manusia seperti yang berlaku di Kashmir, India, Thailand, Filipina dan lain-lain lagi. Faktor tersebutlah yang membuatkan lahirnya 'penentang-penentang' di kalangan Muslim atau dianggap ekstremis. Wan Mohd Nor tidak terlalu memfokuskan kepada negara-negara tertentu khususnya Malaysia, tetapi perbahasannya adalah lebih bersifat global dan umum. Oleh kerana skop kajiannya yang luas, maka idea-ideanya dalam meminggirkan ekstremisme juga lebih bersifat global dan antarabangsa.

Contohnya beliau berpendapat perlunya negara-negara bukan Islam untuk bersifat adil terhadap rakyatnya tanpa diskriminasi khususnya terhadap golongan Muslim. Hubungan ekonomi pula dalam peminggiran ekstremisme hanya dijelaskan berkaitan dengan pengagihan kekayaan yang adil dalam sesebuah negara tanpa dijelaskan bagaimana prosesnya. Oleh yang demikian, hubungan ekonomi terhadap peminggiran ekstremisme itu tidak diperjelaskan dengan lebih mendalam khususnya yang melibatkan negara Malaysia.

Mohd Irman (2016) telah menjalankan kajian berkaitan peminggiran ekstremisme melalui pengembangan kelas menengah. Kajian beliau lebih menumpukan kepada



golongan kelas menengah India Muslim. Kajiannya adalah untuk menguji sejauh manakah pengembangan golongan kelas menengah boleh memingga ekstremisme. Kaedah kutipan data adalah melalui temu bual separa berstruktur. Informan beliau adalah terdiri daripada informan yang berketurunan India Muslim yang kebanyakannya adalah terdiri daripada ahli perniagaan. Isu yang diketengahkan adalah seperti isu politik, agama, perkauman, Islam global dan ekonomi. Kajian beliau mendapat kesemua informan mempunyai pandangan yang positif dan tidak melampau. Namun demikian, beliau berpendapat kajian beliau tidak mempunyai data yang kuat memandangkan kajian tidak melihat kepada tahanan-tahanan di penjara dan pusat tahanan. Ini kerana, menurutnya terdapat juga sumber menyatakan golongan kelas menengah juga terlibat dalam kegiatan ekstremisme. Selain itu, beliau berpandangan bahawa teori ekstremisme haruslah perlu diperkuat dengan membuat kajian kepada psikologi ekstremis itu sendiri serta melibatkan golongan kelas bawahan. Sumber-sumber ini sudah semestinya perlu diperolehi daripada tahanan dan bekas tahanan SOSMA, POTA dan POCA.

Oleh itu, berdasarkan kajian lepas, dapatkan menunjukkan tiada kajian signifikan dibuat secara tuntas terhadap teori ekstremisme kelas bawahan di Malaysia. Didapati kajian-kajian lepas hanya bergantung kepada analisis dokumen sebagai data kajian. Kajian-kajian yang terus menjurus kepada temu bual terhadap tahanan dan bekas tahanan SOSMA, POTA dan POCA masih belum didapati. Sedangkan jika tidak dilakukan temu bual terhadap tahanan dan bekas tahanan tersebut sudah pasti pandangan, idea dan pemikiran ekstremis belum dapat diterokai.

Metodologi Kajian

1. Jenis Kajian

Secara umumnya, proses kajian ini memberi penekanan kepada dua jenis kajian iaitu kajian berbentuk analisis kandungan dan kajian berbentuk lapangan (fieldwork research). Hampir keseluruhan daripada kajian ini menggunakan metode kualitatif dalam mengumpulkan maklumat.

i. *Analisis Dokumen*

Kajian kepustakaan merupakan kaedah asas yang digunakan dalam kajian ini. Kajian kepustakaan melibatkan pemerhatian terhadap ‘data sekunder tempatan’ iaitu merujuk kepada data yang diperoleh daripada kajian-kajian penyelidik tempatan sama ada kajian lepas atau semasa. Data-data tersebut diperolehi dalam bentuk surat khabar, internet, buku, makalah, artikel, majalah dan sebagainya.

Kerja-kerja pengumpulan maklumat serta data yang berbentuk sekunder sebahagian



besarnya dilakukan di Perpustakaan Induk Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin, Pusat Islam Kuala Lumpur dan di beberapa perpustakaan lain. Selain itu sumber-sumber juga diambil dibeberapa institusi penting seperti PDRM dan Kementerian dalam Negeri (KDN).

ii. *Temu bual*

Dalam kaedah temu bual, pengkaji menggunakan kaedah temubual ‘tidak berstruktur’ dan ‘berstruktur’. Kaedah ‘temubual berstruktur’ disediakan kepada informan-informan terpilih atau yang sudah ditetapkan ciri-cirinya. Manakala kaedah ‘temubual tidak berstruktur’ dalam kajian ini digunakan untuk menemu bual tokoh-tokoh terkemuka dan pakar-pakar bidang. Proses ini dijalankan bagi memantapkan lagi kesahan maklumat kajian ini disamping berpeluang menerima idea-idea dan saranan daripada pakar-pakar bidang. Kaedah temubual memberi beberapa kelebihan dalam mendapatkan data. Antaranya penyelidik mendapat maklumat lebih cepat dan langsung, maklumat lebih meyakinkan kerana ia dapat diperhatikan kepada *body language* responden. Juga memberikan suasana fleksibel kepada penyelidik untuk menyoal soalan dan memberikan ruang yang lebih kepada responden menjawab soalan. Antara kelebihan lain ialah, dalam situasi temu bual, penyelidik dapat memeriksa maklumat secara terus. Namun risiko dalam kaedah ini ialah jika berhadapan dengan responden yang takut berterus terang. Ini membuatkan temu bual tidak memberikan maklumat yang sebenarnya.

Dalam kajian ini, temu bual yang dilakukan adalah bersifat penerokaan dan induktif. Soalan asas adalah berkaitan dengan latar belakang serta faktor penglibatan. Melalui temu bual berbentuk penerokaan ini, pengkaji menjangkakan akan mendapat dapatan-dapatan baru dan berlainan daripada tiap-tiap informan. Ia adalah penting bagi mengukuhkan teori-teori berkaitan dengan ekstremisme.

2. Instrumen Kajian

Kaedah ‘temu bual separa berstruktur’ (set soalan temu bual) akan disediakan kepada informan-informan terpilih. Tujuan penyediaan soalan temu bual separa berstruktur ini adalah untuk mengetahui maklumat-maklumat peribadi (yang berkaitan dengan kajian) daripada responden secara dialog atau *face to face*. Daripada teknik temu bual intensif dengan separa berstruktur ini, dalam masa yang sama ‘active probing’ turut dilakukan untuk mendapatkan pandangan unik dan mendalam dari responden.

Ini membolehkan persoalan-persoalan mengenai diri responden yang sukar diperoleh dalam teknik soal selidik dapat diutarakan bagi mendapatkan maklumat yang



lebih mendalam lagi. Selain itu, kepentingan kaedah ini berbanding soalan tidak berstruktur ialah penemu bual dapat mengawal suasana dan pencapaian objektif.

Manakala kaedah ‘temubual tidak berstruktur’ dalam kajian ini digunakan untuk menemu bual polis, pakar-pakar bidang dan ahli yang terlibat dengan program pemulihan. Proses ini dijalankan bagi memantapkan lagi kesahan maklumat kajian ini disamping berpeluang menerima idea-idea dan saranan daripada pakar-pakar bidang. Kaedah temubual tidak berstruktur ini dipilih adalah kerana biasanya soalan yang diberikan adalah bersifat terbuka yang memberi peluang kepada informan memberi tindak balas mengikut budi bicaranya dan tidak terikat dengan sebarang jawapan alternatif atau tidak dikekang oleh panjang atau pendek soalan.

3. Persampelan

i. *Teknik persampelan*

Kajian ini menggunakan teknik persempelan tidak kebarangkalian (Non-Probability Sampling). Lazimnya teknik ini dipecahkan pula kepada beberapa kaedah seperti Purposive Sampling, Snowball Sampling, Convenience Sampling dan Haphazard Sampling. Namun dalam kajian ini, kaedah yang digunakan adalah menggunakan Purposive Sampling dan Snowball.

Purposive Sampling merupakan salah satu teknik pengambilan sampel yang sering digunakan dalam penelitian. Teknik ini bermaksud teknik pengambilan sampel secara sengaja. Ia bermaksud, pengkaji menentukan sendiri sampel yang diambil kerana ada pertimbangan tertentu. Jadi sampel diambil tidak secara acak, tapi ditentukan sendiri oleh pengkaji. Ini bermaksud informan yang dipilih adalah informan yang telah dilabel sebagai penganas oleh pihak mahkamah.

Selain itu, kaedah sampingan untuk mendapatkan mereka adalah melalui kaedah *Snowball*. Kaedah ini meminta informan untuk mengenalkan kepada pengkaji kenalan-kenalan mereka yang mempunyai keadaan yang sama. Penggunaan kaedah *snowball* adalah penting kerana golongan ini sahaja yang mempunyai maklumat rakan mereka selain daripada pihak polis sendiri. Tambahan pula sasaran kajian adalah kepada ekstremis golongan kelas bawahan yang membuatkan saiz populasi dan sasaran kajian semakin mengecil. Selain itu, antara kelebihan lain kaedah ini ialah, responden yang bakal ditemui mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi memandangkan kenalan mereka yang mengenalkan pengkaji kepada mereka. Tambahan pula informan-informan ini akan mengesyorkan kenalan-kenalan mereka yang dikatakan dapat memberi kerjasama terhadap pengkaji.



ii. Jumlah Sampel (Sample Size)

Dalam metod temu bual, jumlah sampel merupakan satu perkara yang tidak dapat ditentukan. Tidak ada satu 'standard' yang meletakkan jumlah sampel tertentu dalam metod temubual. Namun demikian, terdapat beberapa pandangan mengenai kaedah untuk menentukan kecukupan persampelan dalam metod ini. Menurut Seidman (2006) dalam bukunya *Interviewing as Qualitative Research*, terdapat dua kaedah untuk menentukan kecukupan sampel temu bual iaitu:

- a. *The first is sufficiency*, (kecukupan). Kecukupan dalam kaedah temu bual ialah apabila pengkaji mendapati maklumat yang diperolehi dirasakan mencukupi dan menjawab persoalan.
- b. *The other criterion is saturation* (ketepuan). Kaedah ini bermaksud, apabila temu bual dijalankan pengkaji mendapati tiada maklumat baru yang diperolehi atau data mencapai tahap ketepuan.

Dari segi saiz sampel, Mason (2010) menjelaskan, terdapat ahli sains sosial yang mengganggarkan bahawa saiz sampel yang sering digunakan dalam kajian-kajian kualitatif-temu bual adalah sekitar dari lima hingga ke 350 informan. Ghazali dan Sufean (2016) dalam bukunya bertajuk 'Penyelidikan dalam Pendidikan: Kaedah dan Amalan' menjelaskan bahawa tujuh orang partisipan kajian adalah memadai bagi memperolehi data kualitatif yang bernilai. Ini kerana bilangan sampel yang kecil membolehkan pengkaji dapat menyiasat perkara yang diselidiki secara lebih mendalam. Dalam kajian ini pengkaji cuba menyasarkan sebanyak 12 informan. Namun demikian setakat Mei 2019, pengkaji hanya menemukan 5 informan di kalangan bekas tahanan. Terdapat bekas tahanan yang tidak mahu ditemu bual disebabkan tidak percaya dan masih trauma. Pengkaji pada Mei 2019 sedang memohon untuk menemu bual tahanan di penjara dan masih belum mendapat kelulusan pihak-pihak berautoriti.

4. Analisis data

Data temubual yang diperoleh akan dibuat transkripsi iaitu ditaip dengan lengkap untuk memudahkan proses menganalisis. Untuk membolehkan analisis dibuat dengan tepat, transkripsi verbatim akan dibuat, iaitu menggunakan perkataan atau ayat yang sebenar diperoleh. Analisis temubual akan dilakukan secara manual. Antara langkah bagi memproses data temubual adalah sebagaimana berikut:

- i. Keseluruhan transkrip temubual akan dibaca bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang apa yang dikatakan oleh orang yang ditemubual itu.



-
- ii. Transkrip akan dibaca sekali lagi dan kemudian pengkaji akan menggariskan (highlight) maklumat penting yang terdapat dalam catatan tersebut berdasarkan kategori soalan.
 - iii. Catatan akan dibaca sekali lagi tetapi kali ini tumpuan akan diberikan kepada aspek-aspek yang digariskan. Aspek-aspek yang digariskan ini adalah data daripada pandangan dan jawapan informan yang terfokus dan sangat berkait dengan soalan yang diberikan.
 - iv. Langkah seterusnya, pengkaji akan membentuk tema yang bersesuaian berdasarkan aspek-aspek yang digariskan itu. Contohnya, ramai daripada informan mengakui tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam ilmu Islam. Oleh yang demikian pengkaji akan mengeluarkan satu tema daripada aspek-aspek tersebut yang diletakkan di bawah satu tema: 'kurang kefahaman agama'.
 - v. Tema-tema yang dibuat akan disemak semula, dan jika perlu, beberapa tema yang mempunyai maksud yang sama akan digabungkan agar menjadi kategori tertentu.
 - vi. Akhirnya, pengkaji akan menilai, menganalisis, menghubungkaitkan dengan teori, membandingkan dengan objektif kajian serta membuat rumusan. Pada peringkat ini dapatkan kajian akan diperlihatkan.

Kaedah analisis transkrip temubual yang dilakukan secara manual seperti di atas adalah teknik analisis yang sangat sesuai dan boleh diterima memandangkan jumlah informan tidak terlalu ramai.

Dapatkan Kajian: Faktor Penglibatan Golongan Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme

Kesemua tahanan telah meluahkan hati masing-masing dan memberikan pandangan berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh mereka sepanjang menjadi ekstremis. Oleh yang demikian setiap maklumat yang diluahkan adalah data yang penting untuk dikaitkan dengan faktor penglibatan, walaupun pandangan mereka bersifat terpencil dan berseorangan.

1. *Self Threat (Rasa terancam)*

Boleh dikatakan setiap informan mempunyai perasaan seperti ini. *Self Threat* bermaksud, merasai keterancaman. Terancam ini bukan sekadar fizikal diri, malahan ia berkait dengan aspek yang paling hampir dengan diri ekstremis seperti agama dan bangsa. Dalam konteks ini, diri informan merasakan agama mereka terancam disebabkan penindasan yang dilakukan terhadap umat Islam. Kesemua informan mempunyai pandangan yang sama iaitu mereka merasakan bahawa umat Islam sedang ditindas. Keadaan ini telah melahirkan perasaan marah, dendam dan simpati di kalangan informan.

Contoh kenyataan yang mempunyai unsur *self threat* ini adalah sebagaimana berikut:

45

Cite as: Mohd Irman Mohd Abd Nasir, Hanif Md Lateh, Rahimah Embong & Muhamad Azuan Khairudin. (2019). Penglibatan Ekstremisme dalam Kalangan Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia [The Involvement in Extremism Among Lower Class Citizens of Malaysia]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(1), 33-54. Open Acces: <http://ajocs.com>



“.. Ya lah kita pun dipandu dengan sifat kita, kita marah. Kan, kita marah dengan... marah dengan dunia lah. Boleh kata macam tu lah. Dunia pun tak buat apa-apa nak bantu orang Islam kan..... Jadi kita rasa kita perlu buat sesuatu lah.” (Informan A, 2018: 5)

Pandangan tersebut turut sama dengan pandangan informan B sebagaimana berikut:

“saya dari kecil, saya fikir, kenapa Palestine tu di kelilingi dengan negara Arab. Semua negara Islam. Tapi dah berpuluhan-puluhan tahun sejak 1924 tak bebas bebas. Saya fikir dari kecil, kenapa jadi macam ni? Sampai satu masa saya dapat jawapan, rupa-rupanya tak ada.. apa.. pemimpin Islam, contohnya zaman dulu ada sistem khilafah, sekarang dah tak ada. So bila dah ada, dia dah wujud, saya nampak yang IS (Islamic State) ni lah, dia dah ada.. haa ni lah yang kami bantu. Saya nampak ni lah jawapannya.” (Informan B, 2018: 4).

2. Kefahaman agama

Berdasarkan kajian ini, dapatan awal mendapati kesemua responden mempunyai tahap pemahaman terhadap ajaran Islam yang sangat rendah. Kefahaman agama yang rendah ini menjadi mereka mudah terdedah dengan sebarang pemikiran samaada yang positif atau yang negatif. Meraka tidak mampu untuk menganalisis sesuatu maklumat berkaitan agama dan mengaitkannya dengan maqasid syariah. Contohnya dalam isu jihad di Syria, kebanyakkan informan menganggap adalah menjadi tanggungjawab utama untuk membantu rakyat di Syria tanpa mengira tanggungjawab di tanah air sendiri. Ini sebagaimana data berikut:

“...kita akal pendek, ilmu tidak ada... Apa yang kami fikir satu jalan sahaja, jihad. Apa nak jadi lantak. Apa nak jadi dengan kami dengan keluarga kami dengan lain tu lantak. Janji kami tolong kat situ.” (Informan A, 2018: 6).

“Kalau saya, kalau kita dah tengok ustaz tu cakap macam tu, jihad tu macam ni.. macam ni, pahalanya sekian-sekian. Dapat syurga apa semua. Jadi kita tengok benda tu wahh, ni bagus ni.. kan.” (Informan C, 2019: 8).

Selain itu, disebabkan kefahaman agama yang rendah, maka mereka mudah dipesongkan dengan dalil-dalil yang membangkitkan semangat jihad contohnya seperti kepercayaan terhadap kemunculan Imam Mahdi di Syria yang bermula dengan kebangkitan mujahideen di Syria dan Iraq. Contohnya sebagaimana pandangan informan berikut.



“... dia ada satu kumpulan mujahidin yang berjaya menaikkan sistem khalifah. So dengan hadis nabi pun ada menjanjikan akan naik satu sistem kan. Sebab sebelum imam Mahdi muncul pun, dah ada dulu kumpulan ni, pasukan Panji Hitam ni. Saya kaji hadis-hadis askar panji hitam ni. So saya cari.. saya... saya baca sendiri lah. Pemahaman saya, ciri-ciri yang ada dalam hadis Fitan ni.. hadis mutawattir ni, pasal pasukan Panji Hitam ni, semuanya menepati apa yang ada dekat IS.” (Informan B, 2018: 4).

Pandangan Informan B ini juga selari dengan pandangan informan A. Pandangan informan A adalah sebagaimana berikut:

“...Dalam masa yang sama kami pun tersesat dengan mengikut tafsiran-tafsiran al-Quran dan Hadis Fitnah, Hadis Fitnah Akhir Zaman kan. Kami terikut satu puak ni dia... yelah dia mentafsir ikut hawa nafsu dia untuk membenarkan dia punya kumpulan group jihad dia ni. So sedikit sebanyak kami sudah terpengaruh sudah terpesong.” (Informan A, 2018: 6).

Ini juga selari dengan pandangan informan D:

“kemudian sebelum dalam proses saya belajar kat KUIM tu.. waktu tu kebetulan Syria jatuh. Kan sebelum tu memang dah baca hadis bermula dari Syria apa semua. Kemudian saya tengok video masa tu, takjub lah kan. Lepas tu ini pertama kali ikrar tauhid ni saya kata.” (Informan D, 2019: 3).

Mereka menganggap sistem yang diamalkan di Malaysia adalah rosak, sekuler dan tidak menepati Islam. Oleh yang demikian, mereka yang mengamalkannya adalah salah dan *taghut* (melampu batas/ kejahatan). Ini termasuklah pentadbir negara, askar dan yang menyokongnya. Disebabkan itu mereka memilih untuk bertindak sendiri. Atas sebab itu juga mereka meletakkan objektif untuk membina atau mewujudkan negara Islam dan sistem khalifah bertujuan mengembalikan kegemilangan empayar Islam seperti pada awal abad pertengahan.

3. Baru mula mencari jalan kepada Tuhan

Informan A, B dan C menyatakan bahawa mereka ingin melakukan sesuatu kepada diri mereka untuk agama. Atau dengan kata lain, mereka ingin memberi suatu sumbangan untuk agama Islam. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya cakna dengan amalan ibadah dan perkembangan Islam kesinambungan daripada tahap pendidikan yang rendah. ini sebagaimana pandangan yang dikongsikan oleh salah seorang informan seperti berikut:



“.... Kami mencari agama, dalam masa yang sama kami nak bantu agama. Tapi salah lorong.” (Informan A, 2018: 4).

4. Salah mencari rujukan

Kebanyakkannya informan terlalu bergantung dengan medai sosial semata-mata tanpa membuat rujukan kepada ilmuan dan pakar.

“Cuma kami ni terpesong. Kami mencari agama, dalam masa yang sama kami nak bantu agama. Tapi salah lorong. Sebab... kita.. kita punya apa.. kita punya rujukan panduan 80 persen rujuk kepada internet.. media-media datang daripada internet. YouTube, PDF yang dihantar kepada group-group, whatsapp, Telegram. Website yang memuat naik, yang memaparkan fahaman-fahaman ideologi-ideologi ekstremis.” (Informan A, 2018: 4).

Tertarik dengan buku-buku berkaitan dengan akhir zaman, khalifah dan mujahidin. Informan bersifat selektif dalam pembacaannya membuatkan pembacaan tidak menjadi luas. Terlalu tertumpu kepada teori konspirasi sehingga memberi kesan kepada psikologi, falsafah dan pegangan diri mereka.

5. Pengaruh dan peranan media sosial

Media sosial bagi pendapat pengkaji menjadi antara punca utama kepada ekstremisme. Media sosial adalah alat yang paling utama dan berkesan untuk menyampaikan mesej ekstremis serta menyemarakkan fahaman ekstremis.

Ini sebagaimana pandangan informan A:

Informan A: “so daripada facebook tu, follow follow follow. Mana satu page tu kena ban apa semua kan, buat lagi baru follow follow follow, add messenger tanya apa semua, bagi nombor telefon. Masuk group facebook dia. Tengok perkembangan, diorang post macam-macam, ideologi yang macam-macam. Segala benda yang berkaitan dengan jihad. Dengan fahaman ekstremis ni, yang dikaitkan dengan fahaman wahabi, semua ada dekat situ.”

Ini juga sebagaimana pandangan informan B:

Informan B: “.... saya cari kat internet lah, kat facebook.”

“Saya AAAA yang aaa friend saya kat facebook. So dia jemput saya dalam satu group telegram. Semua ni penyokong-penyokong IS lah. Start dari situ lah.” (Informan B, 2018: 5).



6. Kesempitan hidup

Satu perkara yang menarik dalam kajian bersifat induktif ini adalah seperti mendapat satu maklumat yang baru. Dalam kajian ini telah mendapati bahawa faktor kesempitan hidup menjadi faktor kepada seseorang untuk mencari tempat/ dunia yang baru untuk memulakan hidup. Ini sebagaimana transkrip berikut:

Penyelidik: "Ada ke tujuan lain pergi ke Syria, contohnya kat sana ada peluang pekerjaan yang lebih baik?"

Informan C: "Aaaa tu salah satu sebab lah. **Macam nak bina hidup baru.** Sebab masa tu kita tengok Malaysia ni macam tak boleh nak buat apa dah. Sara hidup tinggi. Sebab.. saya keluar pergi Singapore kita tahu, **SPM macam saya tak boleh pergi jauh.** Kemudian kita nak **bantu family** kan. Nak bantu family tak boleh nak duit sikit-sikit. Adik semua pandai-pandai. Adik Perempuan ni nak masuk Universiti bukan guna duit yang sikit-sikit kan. Gaji 20 ringgit." (Informan C, 2019: 5).

Informan di atas mengandaikan, jika beliau sama-sama berjuang di Syria dan memperolehi kemenangan, maka pada masa itu beliau mengharapkan pembalasan daripada pihak pejuang. Pembalasan itu menurutnya seperti memperolehi pekerjaan, tempat tinggal, pangkat dan sebagainya.

7. Pengaruh pendakwah

Salah seorang informan menyatakan bahawa, pada permulaan beliau terlibat dengan pemikiran ekstremisme ini adalah apabila beliau sering mengikuti pengajian agama secara maya/ online di YouTube oleh seorang penceramah. Penceramah ini telah membangkitkan semangat informan ini untuk berjihad dan menolong orang Islam yang ditimpa kesusahan di Syria.

Penyelidik: "Ya sebelum ditangkap. En. C merujuk... kalau ada masalah agama, rujuk mufti ke?"

Informan C: "Tak ada. Saya banyak tengok video Ustaz XXXX (nama dirahsiakan)."

Informan C: "Maknanya.. yang kita tengok dekat facebook lah. Facebook ke apa ke yang Ustaz XXXX tu.. itu yang kita bincang kan. Memang saya punya masa tu lebih kepada Ustaz XXXX."

Skrip temu bual menunjukkan bahawa informan C sentiasa menjadikan Ustaz XXXX sebagai rujukan khusus yang berkaitan dengan pergolakan di Syria. Pada masa temubual juga informan menyatakan rasa tidak puas hati kerana Ustaz tersebut tidak



ditangkap sedangkan menurut informan, Ustaz ini yang memercikkan semangat jihad dalam diri informan. Ini sebagaimana data berikut:

“Kadang-kadang kita tengok, ustaz ni betul. Tapi tak tau pulak dia ni jalan macam ni. Kena pulak macam tu. Tapi dia tak kena tangkap. Tu yang menjadi persoalan kepada saya, kenapa dia tak kena, sedang dia yang spark selama ni. Saya berapa kali dah saya cakap dengan polis, kenapa dia tak kena. Sedangkan spark tu daripada dia.” (Informan C, 2019: 5).

8. Kecelaruan Ilmu

Kecelaruan ilmu ini adalah berlaku khusus kepada golongan yang sudah mendapat pendidikan agama Islam. Agak menghairankan jika mendapati golongan yang berpendidikan Islam ini turut terlibat dalam kegiatan ekstremisme. Salah satu contoh kes adalah seperti yang berlaku kepada salah seorang pensyarah di Universiti terkemuka di Malaysia yang terlibat dengan perperangan di Syria. Bahkan disepanjang temu bual, informan ada menjelaskan bahawa terdapat di kalangan yang ditangkap bersama mereka bekas pelajar Universiti al-Azhar.

Dalam kajian ini terdapat informan yang mempunyai tahap pendidikan Islam yang tinggi iaitu informan D. Namun demikian kajian mendapati bahawa, informan ini mempunyai kecelaruan dari sudut perbahasan ilmu Islam khususnya dalam konteks Tafsir al-Quran, Hadis dan Akidah. Contohnya beliau turut berpegang dengan kebangkitan Imam Mahdi di Syria yang membawa kepercayaan kepada dirinya untuk berkhidmat di Syria. Contohnya pandangannya adalah sebagaimana berikut:

Penyelidik: Maknanya majoriti ni selalunya pergi ke arah negatif?

Informan D: Haah. Kalau ikut majoriti memang.. memang [menegaskan]. Ada jumpa dalilnya, kalau ikut majoriti... seandainya kamu mengikut.. ini ayat al-Quran. Seandainya kamu mengikut kebanyakkan manusia, nescaya mereka akan menyesatkan kamu (Informan D, 2019:3).

Kemungkinan dengan tafsiran informan di atas, membuatkan beliau untuk lebih cenderung mencari maklumat sendiri di media sosial. Kecelaruan informan D ini dapat dilihat melalui pengakuannya yang masih dalam persimpangan dan telah berdoa supaya diberi petunjuk oleh Allah.

“Cuma saya kata ya Allah. Bagi tunjuk lah kan. Mungkin kalau betullah ni, mudah kan lah kan. Mudah kan sebab segala-galanya. Tapi kalau bukan susahkanlah, macam tu kan. Maknanya jangan bagi saya terjebak. Susahkan lah apa ni perjalanan tu. Macam tu lah saya doa mintak Allah tunjukkan je lah. Kalau betul



senangkan. Kalau tak betul susah kan jangan bagi datang-datang dekat." (Informan D, 2019: 4).

Perasaan tidak yakin informan D ini sama keadaannya dengan informan B yang juga tidak yakin dengan jalan yang diambil. Ini sebagaimana penjelasan beliau:

"Khalifah Mansurah tu pasukan yang tak pernah terkalah kan. So bila waktu tu lah IS ni tak pernah kalah lagi lah. So bila saya kena tangkap, saya doa pada Allah "ya Allah kalau benda ni hak, benda ni hak teguhkan dia. Kalau benda ni batil hancurkan dia." (Informan B, 2018: 3).

9. Hubungan tidak langsung

Terdapat di kalangan informan yang ditemubual yang menganggap dirinya tidak bersalah. Ini kerana beliau melakukan kegiatan ekstremisme secara tidak sedar bahawa perkara itu adalah salah. Informan E menyatakan bahawa beliau terlibat dalam transaksi dana kepada militan. Namun demikian informan ini menyatakan bahawa beliau tidak tahu menahu tentang dana tersebut yang disalur kepada militan. Apa yang dilakukan hanyalah dengan niat untuk membantu sahabatnya yang dikatakan sedang ditimpa kesusahan. Sedangkan sahabat informan ini pada masa itu terlibat secara langsung dengan militan. Ini sebagaimana yang diakui oleh beliau:

"Masa saya kena tangkap saya pun tak tau saya buat kerja salah." (Informan E, 2019: 3).


Bagi pihak polis dan makhamah, perbuatan tersebut tetap dikira salah. Tangkapan disebabkan keterlibatan secara tidak langsung atau tidak sengaja ini turut diakui oleh informan A. Ini sebagaimana pandangan berikut:

"Kita kadang-kadang kawan kita, dia pergunakan kita. Kita tak tau pun dia buat benda-benda macam ni. Kalau macam saya ni, honestly saya terlibat dan menyokong. Memang saya penyokong tegar pun. Tapi ada juga individu yang lain, diorang hanya menyumbangkan wang. Hanya semata-mata mungkin memikirkan nak tolong saudara mara kita, saudara-saudara seagama kita yang ada dekat Syria dan Iraq. Tapi bila polis tangkap sorang ni, kemungkinan.. mungkin, ada address orang hantar duit. Sebab macam biasa dia melibatkan soal siasatkan." (Informan A, 2018: 6).

Kesimpulan

Berdasarkan daripada penerangan faktor-faktor di atas, pengkaji membuat rumusan berdasarkan peta minda untuk mudah memahami ekstremisme ini.

Rajah 1: Faktor-faktor penglibatan golongan kelas bawahan dalam kegiatan ekstremisme



Kerangka konsep di atas adalah terdiri daripada tema-tema dan kekerapan perkataan yang dikeluarkan daripada transkrip temu bual para informan. Pengkaji merumuskan dalam bentuk kerangka konsep supaya ia mudah difahami. Didapati bahawa faktor-faktor ekstremisme ini adalah bersifat rantaian. Setiap faktor tidak dapat berdiri sendiri melainkan terdapat faktor lain yang mengaktifkan faktor tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa terdapat banyak punca kuasa yang mempengaruhi seseorang untuk menjadi seorang ekstrimis. Dengan kata lain, ekstremisme adalah tidak boleh berlaku dengan memiliki satu elemen faktor sahaja, contohnya kurangnya pendidikan agama bukanlah menjadi faktor utama kepada ekstremisme. Ini dibuktikan bahawa terdapat ekstrimis yang terdiri daripada kalangan mereka yang mempunyai tahap pendidikan agama Islam yang tinggi. Tetapi ekstremisme adalah berlaku disebabkan gabungan beberapa elemen faktor.

Namun demikian, kajian ini juga mendapati, *faktor self threat*, iaitu perasaan terancam disebabkan agama Islam ditindas adalah satu faktor yang paling utama. Ini



kerana perasaan keterancaman ini mempunyai kekerapan yang tinggi dalam temu bual. Tambahan pula, setiap informan yang ditemu bual mempunyai perasaan ini iaitu marah, sedih dan simpati dengan nasib yang menimpa umat Islam. Dapat disimpulkan bahawa, seseorang yang mempunyai perasaan ini adalah berkemungkinan akan menuju ke arah ekstremisme. Tetapi ia bergantung kepada karakter dan keadaan individu terbabit. Jika ia mempunyai tahap pendidikan agama yang tinggi, maka sukar ia cenderung ke arah ekstremisme. Atau jika seseorang itu mempunyai status sosial yang tinggi seperti golongan kelas menengah dan atas, maka ia turut sukar untuk cenderung ke arah ekstremisme.

Semasa artikel ini selesai ditulis, kajian sebenar masih dijalankan. Sasaran kajian seterusnya adalah kepada tahanan SOSMA, POTA dan POCA yang sedang menjalankan hukuman dipenjara. Beberapa penjara telah menjadi sasaran kajian. Kaedah yang digunakan adalah dengan memberi tahanan kertas soal selidik terbuka. Ia memandangkan pihak penjara tidak memberi kebenaran untuk menjalankan temu bual secara bersemuka.

Penghargaan

Kajian ini adalah bersumberkan geran penyelidikan “*Indeks Penglibatan Ekstremisme Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia*” (UniSZA/2017/SRGS R0019-R008) di bawah pengurusan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid A.R. 2004. *Patriotisme Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ghazali, Darusalam D. & Sufean, Hussin H. 2016. *Metod Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Gunaratna, Rohan R. 2009. The Current and Emerging Extremist Threat in Malaysia. Dlm. The Combating Terrorism Center at West Point: Radical Islamic Ideology in Southeast Asia. New York: Combating Terrorism Center.
- Hashmi, Arshi Saleem A.S. 2007. Use of Religion in Violent Conflicts by Authoritarian Regimes: Pakistan and Malaysia in Comparative Perspective. *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies*, 30(4): 22-50.
- Mansor Mohd Noor M.N. 2005. Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia. *Rekayasa Journal of Ethics, Legal and Governance*. Universiti Utara Malaysia. 5(1): 97-117.



- Mason, Mark M. (2010). Sample Size and Saturation in PhD Studies Using Qualitative Interviews. Dlm. *Forum Qualitative Sozialforschung/Forum: Qualitative Social Research* 11(3).<http://www.qualitativeresearch.net/index.php/fqs/article/view/1428/3027> [21 Disember 2012].
- Mohd Irman Mohd Abd Nasir M.A.N. 2016. Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Pemimpiran Ekstremisme di Malaysia. Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Aminuralif Mohd Zoki M.Z. 2019. *Tangkapan Daesh Tunjukkan Penurunan Tahun 2018*. <https://www.sinarharian.com.my/article/7698/BERITA/Nasional/Tangkapan-Daesh-tunjukkan-penurunan-tahun-2018>. [23 Mei 2019].
- Norani Othman O. 2006. Muslim women and the challenge of Islamic fundamentalism/extremism: An overview of Southeast Asian Muslim women's struggle for human rights and gender equality. *Women's Studies International Forum* 29(4): 339-353.
- Rand, Nelson N. 2010. *Asian Conflicts Report*. Tokyo: Council on Asian Transnational Threat Research.
- Seidman, Irving I. 2006. Interviewing as Qualitative Research. Ed. 3. New York: Teachers College Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud W.D. 2010. Containing Muslim Extremism and Radicalism. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 28(1): 241-252.
- Bacaan Dewan Rakyat, Perlimen Ketiga Belas, Penggal kelima, Mesyuarat Pertama

Temubual

- Informan A. 2018. *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Johor. Temu bual, 23 Disember 2018.
- Informan B. 2018. *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Johor. Temu bual, 23 Disember 2018.
- Informan C. 2019. *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Dungun. Temu bual, 9 Februari 2019.
- Informan D. 2019. *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Kuala Lumpur. Temu bual, 15 Februari 2019.
- Informan E. 2019. *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Kuala Lumpur. Temu bual, 16 Februari 2019.
- Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff W.M.R. 2019. *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Kuala Lumpur. Temu bual, 2 Februari 2019.